

Kaji secara menyeluruh sebelum buat pelaburan

Siti Nur Najihah
 Abdul Rashid,
 Universiti Utara
 Malaysia

Usia muda harus digunakan sebaik-baiknya kerana hasil usaha pada waktu itu akan membentuk perjalanan pada peringkat selanjutnya.

Dalam hal ini anak muda perlu lebih cakna ketika merancang kewangan dengan melakukan pelaburan kerana ia dapat menjadikan diri mereka lebih yakin, sekali gus mempunyai matlamat yang jelas pada masa hadapan.

Kuasai ilmu mengenai kewangan juga pelaburan. Ia memudahkan anak muda membuat keputusan sendiri secara bijak dalam usaha untuk mengurus kewangan peribadi. Terdapat beberapa panduan berguna misalnya membuat simpanan sejak awal dan tiada istilah harus bekerja dahulu barulah boleh menyimpan.

Amalan ini perlu diterapkan sejak kecil supaya mereka terbiasa menyimpan bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Mereka juga perlu sedar dan faham kad kredit adalah tindakan berhutang. Ia bukan lambang kemewahan atau satu perkara yang perlu dipegang kerana risiko kad kredit amat bahaya. Jika tidak mampu membayar dengan kadar bunga yang ditetapkan, mereka boleh berhadapan risiko muflis.

Harus diingat, usia muda sangatlah berharga kerana apa yang dibuat dalam tempoh itu akan

memberi impak pada masa tua kelak. Oleh itu, setiap aktiviti dan perkara yang dilakukan perlulah berpada-pada, kerana sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna.

Selain itu, janganlah memegang prinsip menunggu kaya untuk memulakan pelaburan. Hal ini kerana, masyarakat kita mempunyai stigma bahawa pelaburan hanya untuk mereka yang kaya.

Pastikan ada simpanan kecemasan

Namun, apa yang perlu diketahu, sekarang ada banyak produk pelaburan yang boleh dimulakan dengan modal sangat minima. Perlu diingat bahawa melabur dengan duit lebih dan pastikan kita mempunyai simpanan kecemasan sebanyak tiga hingga enam bulan gaji kita.

Namun, mereka perlu sentiasa berhati-hati dalam membuat pelaburan supaya tidak terjerat dengan janji palsu atau menjadi mangsa penipuan. Hal ini disebabkan pelaburan yang menawarkan pulangan besar dalam tempoh singkat biasanya tidak boleh dipercayai dan lebih menjurus kepada skim cepat kaya.

Terdapat enam jenis pelaburan yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu dalam bank atau institusi kewangan, anak syarikat bank, insurans atau takaful, pelaburan dalam unit amanah dan koperasi.

Walaupun begitu, umat Islam digalakkan memilih pelaburan yang patuh syariah dan berte-raskan prinsip serta hukum Islam. Pelaburan patuh syariah mengikut garis panduan kewangan Islam ialah melarang aktiviti tertentu seperti transaksi berasaskan faedah (riba), spekulasi (gharar), dan pelaburan dalam perniagaan yang dianggap haram (dilarang) dalam Islam.

Apabila membuat pelaburan patuh syariah ini, banyak faktor penting mesti dipertimbangkan, termasuk tapisan pematuhan syariah, perkongsian untung rugi, dana bersama dan ekuiti Islam. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa setiap ulama atau lembaga penasihat mungkin mempunyai tafsiran dan kriteria penapisan yang sedikit berbeza untuk takrifan pematuhan syariah. Namun, perkara lebih kritikal ialah kita sering membabitkan diri dalam pelaburan konvensional dan mengambil riba tanpa disedari.

Oleh itu, kita harus memastikan untuk memilih pelaburan yang diperakui oleh ulama atau institusi syariah berwajib. Sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan, individu yang berminat dalam pelaburan patuh syariah harus menjalankan penyelidikan secara menyeluruh, mendapatkan nasihat daripada profesional berke-layaan dan mempertimbangkan matlamat kewangan mereka sendiri.